

Pemuda mencuri susu tepung dari farmasi dipenjar

SIBU: Seorang pemuda yang mengaku mencuri susu tepung jenama Abbott dari sebuah farmasi, dijatuhi hukuman penjara tiga bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Romario Jonoi yang mendengar kes, memerintahkan tertuduh, Maily Carol Enting, 28, menjalani hukuman penjara itu berkuat kuasa daripada tarikh sabit kesalahan.

Maily terdahulu didakwa mencuri satu tin susu jenama Abbott Ensure Gold Vanilla berharga RM98 dan satu tin susu Abbott Ensure Gold Wheat berharga RM108 dari sebuah farmasi di Jalan Channel pada 1 April 2026, kira-kira jam 5.30 petang.

Dia yang didakwa melaku-

kan kesalahan itu bersama seorang lagi yang masih bebas, didakwa melakukan kesalahan yang dihukum di bawah Seksyen 380 Kanun Keseksaan, yang sabit kesalahan boleh dipenjar sehingga 10 tahun dan juga denda.

Mengikut fakta kes, pada 1 April 2026 kira-kira jam 5.30 petang, ketika pengadu sedang bekerja, seorang individu yang memakai topi keledar telah masuk ke dalam farmasi serta mencuri beberapa tin susu jenama Abbott.

Pengadu kemudian membuat laporan polis dan pada 5 April 2026, kira-kira jam 9.15 malam, pihak polis telah menahan seorang lelaki iaitu tertuduh di tempat parkir Jalan Maju bagi membantu siasatan.

Pihak polis turut merampas sebuah motosikal Yamaha Y15 berserta kunci motosikal daripada tertuduh yang disyaki digunakan ketika kejadian.

Ketika disoal siasat, tertuduh mengaku mencuri dua tin susu jenama Abbott dari sebuah farmasi di Jalan Channel.

Perbuatan tertuduh bersama seorang lagi yang masih bebas mencuri dua tin susu itu turut disaksikan oleh pekerja farmasi.

Tertuduh turut menunjukkan kepada pihak polis kedai tempat dia menjual susu tin yang dicuri itu.

Pendakwaan kes dikedalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Haris Danial Mohamed Hassan, sementara tertuduh tidak diwakili.